




X



PEN. 2/78/47 (TPM)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum pukul 10.00 pagi pada 16.2.78

PEMBUKAAN RESMI GULA PADANG TERAP BHD.

Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri di Upacara Perasmian Gula Padang Terap Berhad, Kuala Nerang, Kedah, pada 16hb. Februari, 1978 yang disampaikan oleh Datuk Haji Mohamad bin Yaakob, Menteri Perusahaan Awam.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek pohon diampun. Patek dengan segala hormat dan takzimnya memohon limpah keizinan DYM Tuanku untuk patek berucap sepatih dua kepada hadirin sekalian.

Sebagaimana dimaklumkan pada hari ini kita sama-sama dapat peluang untuk menghadiri upacara perasmian Gula Padang Terap Berhad. Saya bagi pihak Kerajaan Malaysia berasa amat bangga sekali melihat kesungguhan Kerajaan Negeri dan pihak lain yang berkenaan sehingga terlaksananya projek Gula Tebu dengan jayanya. Kerajaan Pusat sentiasa memberi kerjasama di atas usaha-usaha seperti ini, demi untuk membangunkan negeri-negeri yang agak mundur. Banyak projek-projek perusahaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat, yang juga bersetuju mengarahkan supaya pembinaan kilang-kilang projek tersebut dilakukan di negeri-negeri yang kurang pembangunan seperti Negeri Kedah. Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perusahaan Awam dan Perdagangan juga melalui FIDA berusaha dari semasa ke semasa untuk menarik pelabur-pelabur modal luar negeri dengan banyak ke Malaysia. Dengan kedatangan usahawan-usahawan luar negeri maka mudahlah kita menyalurkan projek-projek berkenaan ke tempat-tempat yang kurang membangun.

Saya rasa banyak pertolongan-pertolongan Kerajaan Pusat telah diberi terhadap perlaksanaan projek gula tebu di Padang Terap ini. Oleh itu dengan melihat taraf kilang begini besar dan terlapatnya ladang yang ditanam dengan tebu agak luas maka Kerajaan Pusat berasa adalah puashati kerana segala pertolongan-pertolongan yang diberi telah berhasil.

Saya telah difahamkan bahawa projek ini menelan belanja sebanyak \$103 juta. Tanah seluas 30 ribu ekar akan dimajukan dan pada masa ini terdapat 13,500 ekar telah ditanam dengan tebu. Sebuah kilang memproses gula berharga \$40.6 juta telah didirikan dengan keupayaan sebanyak 3,500 metrik tan tebu satu hari. Pengurusan syarikat dibuat secara corporate management dari Agro Industrial Associate Hawaii and Tate and Lyle Technical Services Limited dari Britain. Pakar-pakar daripada syarikat luar negeri tersebut telah diserap ke gula Padang Terap Berhad secara kontrak. Saya juga telah diberitahu bahawa pada masa ini terdapat seramai 1,500 pekerja di Syarikat ini dan kebanyakannya terdiri daripada kaum Bumiputra.

(tambahan)

Saya percaya banyak faedah-faedah boleh dirasa oleh rakyat seluruhnya melalui pelaksanaan projek ini. Faedah-faedah yang ketara ialah memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di sini khasnya, dapat melatih dan menambah pengetahuan pekerja-pekerja yang berkenaan di dalam pengurusan dan di berbagai-bagai aspek di dalam pelaksanaan projek gula tebu. Projek ini juga merupakan satu tenaga yang penting menarik supaya mewujudkan lain infrastruktur atau kemudahan asas seperti jalanraya, api dan sebagainya, untuk bukan sahaja digunakan oleh pekerja-pekerja kilang tetapi juga kepada rakyat sekitar ini seluruhnya.

Lebih jauh lagi melalui projek ini juga akan wujud pertumbuhan ekonomi secara linkage dan supplement. Kemudiannya akan lahir pula satu New Agro Centre di mana kegiatan perniagaan dan lain-lain aktiviti ekonomi akan dapat lahir dan berkembang dengan banyaknya.

Di samping itu mungkin pula dapat mempengaruhi sehingga cara hidup penduduk di sini berubah. Mereka mungkin mahu memperbaiki taraf dan mutu penghidupan. Mereka juga berminat untuk mengejar pembangunan. Nilai dan pandangan hidup mereka juga akan berubah. Umpamanya mereka tidak terlampau taksab atau fanatik kepada kongkongan kebudayaan dan adat resam yang tidak berguna atau berfaedah.

Bagi pihak Kerajaan pembangunan seumpama ini merupakan satu kewajipan yang harus dilaksanakan, demi untuk membahagikan kekayaan negeri kepada rakyat dengan lebih adil dan sewajarnya. Pembangunan seperti ini bukan sahaja hendak dijayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, tetapi juga hendak mengisi hasrat-hasrat perjuangan mereka. Janji-janji Kerajaan hendak membawa pembangunan di tempat-tempat yang kurang bernasib baik telah terbukti dari semasa ke semasa. Hasrat Kerajaan hendak membanyakkan bahan makanan terutama yang dikeluarkan dalam negeri juga menampakkan kejayaan yang baik. Usaha-usaha untuk mewujudkan self-sufficiency seumpama ini adalah sangat mustahak untuk mengelak daripada perbekalan bahan-bahan diancam oleh keadaan di luar negeri. Daripada pengalaman yang lepas Kerajaan Malaysia telah menghadapi berbagai-bagai masalah seperti harga pasaran dunia yang menyebabkan inflasi dan sebagainya.

Saya suka menarik perhatian di sini bahawa dalam usaha hendak membentarkan kemiskinan kita terpaksa menekankan tentang betapa mustahaknya penglibatan bumiputra di dalam projek-projek pembangunan seperti projek gula tebu Padang Terap ini. Penglibatan bumiputra dalam syarikat ini mungkin tidak juga setakat bekerja dan mendapat gaji sahaja, tetapi kita harus memandang lebih jauh untuk mengambil alih dan memiliki terus syarikat itu sendiri. Jadi untuk membolehkan bumiputra memiliki Syarikat seumpama ini maka pihak-pihak yang berkenaan hendaklah betul-betul bersedia melibatkan diri melalui latihan-latihan tentang keseluruhan pengurusan samada aspek pentadbiran teknik dan sebagainya. Pihak Kerajaan sebenarnya bersedia menyerahkan bantuan saham yang dimiliki oleh Kerajaan di dalam syarikat usaha-usaha dengan pihak swasta, sekiranya didapati mampu, sesuai dan layak. Melalui projek gula ini misalnya kaum pekerja boleh mempelajari keseluruhan pengurusan pengeluaran gula tebu melalui pakar-pakar daripada luar negeri iaitu daripada Agro Industrial Associate Honolulu Hawaii dan juga daripada Tate and Lyle Technical Services daripada Britain.

Dengan terlaksananya projek gula tebu ini juga merupakan satu usaha Kerajaan ke arah mempelbagaikan ekonomi. Negeri Kedah yang terkenal sebagai negeri jelapang padi Malaysia di mana ekonominya sendiri bergantung kepada hasil pertanian seperti padi dan getah. Terlampau bergantung kepada hasil padi dan getah ini adalah di rasa akan berlaku

kondaan yang tidak diinginkan umpamanya sekarang telah berlaku kemarau yang akan menyebabkan timbul kesukaran kepada petani. Oleh itu adanya kegiatan industri seperti ini, dapatlah menolong membaiki keadaan ini dan menstabilkan ekonomi negeri.

Saya suka menarik perhatian di sini bahawa usaha pembangunan seperti ini adalah sangat mustahak untuk membasmi anasir subversif dan komunis. Kalau kita lihat keseluruhan projek gula tebu ini adalah amat sesuai sekali di mana terletak di kawasan-kawasan yang mudah berlaku kegiatan-kegiatan anasir subversif dan di daerah ini pada dahulunya dipenuhi dengan hutan yang tebal. Jadi secara otomatiknya manakala Kerajaan membangun kawasan ini maka kegiatan subversif tersebut akan dapat dihapuskan. Dengan itu kita dapat lihat bahawa pembangunan sesampamanya ini bukan sahaja dapat membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf penghidupan rakyat luarbandar tetapi juga dapat membenteraskan anasir-anasir subversif yang suka mengancam keamanan dan kebahagiaan rakyat.

Pihak Kerajaan Malaysia sedar tentang kesukaran yang mungkin timbul di dalam menjayakan perjalanan syarikat gula ini dengan licin terutamanya masalah-masalah kewangan, pasaran dan sebagainya. Berhubung dengan perkara ini rasa saya adalah perlu mendapat kerjasama daripada Kerajaan Pusat bukan sahaja mengenai masalah-masalah kewangan tetapi juga masalah pasaran. Masalah pasaran misalnya mungkin akan timbul berbagai kesulitan, dan ini sudah maklum kerana sesebuah syarikat yang baru seperti gula Padang Terap Berhad akan menandingi syarikat-syarikat lain yang telah lama dan kemajuan kedudukan perniagaan mereka. Oleh itu Kerajaan Pusat dapatlah berusaha dalam apa bentuk sekalipun untuk menghadapi masalah-masalah ini.

Sebagai mengakhiri, saya bagi pihak Kerajaan Malaysia suka mengambil kesempatan mengucapkan terimakasih dan memberi penghargaan ke atas usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kedah dan pihak-pihak lain yang terlibat di dalam perlaksanaan projek-projek ini khususnya ahli-ahli Lembaga Pengarah, Juru Perunding Luar dan Dalam Negeri, Kakitangan Pengurusan Syarikat dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

Sampun Tuanku,

Sekadar inilah ucapan patek dan bagi mengakhirinya patek pohon ampun sekiranya terdapat kekasaran dan kesilapan bahasa.

Sekian terima kasih.

KUALA LUMPUR,
15hb. Februari, 1978 (dikeluarkan pada pukul 4.00 petang)

AW/abs
